



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (b)

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian / Jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.

**PEGAWAI PENDIDIKAN TINGKAT KHAS (PG.4)
JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Kementerian Pendidikan**.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.



**PEGAWAI PENDIDIKAN TINGKAT KHAS
JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
PG.4 (\$3,880-\$4,840 EB KHAS \$4,960 - \$5,320 SEBULAN)
KEKOSONGAN = TUJUH (07)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding.
 - b) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan sebagai tenaga pengajar sepenuh masa dalam tangga gaji PG.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Mempunyai kelulusan -kelulusan berikut adalah kelebihan:
 - i. Ijazah Sarjana (*Master by Coursework or Research*);
 - ii. Ijazah Sarjana Muda Kepujian Kelas Dua Atas dan ke atas.
3. Mempunyai pengalaman mengajar dan / atau pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang yang dikehendaki oleh jawatan.
4. Aktif menghasilkan kertas kerja atau penulisan ilmiah atau memberikan ceramah dalam seminar, bengkel atau kegiatan profesional adalah kelebihan.
5. Mempunyai pengalaman dalam pengurusan / pengetahuan hal ehwal peperiksaan, penilaian / perkembangan kurikulum dan bidang-bidang yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran adalah kelebihan.
6. Pernah mengikuti kursus kepimpinan seperti *Brunei Darussalam Leadership and Teacher Academy (BDTLA)*, *Leadership Signature Programme* dan Graduan daripada Kursus *LEP*, *ASLP*, *BPSSL*, *MSLP* atau Perkembangan Eksekutif atau Kemajuan Profesional dalam dan luar negeri adalah kelebihan.
7. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Tenaga pengajar sepenuh masa;
2. Diharapkan tampil kehadapan dan bersedia untuk diberikan tugas / melibatkan diri dalam memimpin atau mentadbir Jabatan atau Bahagian Sekolah atau membantu dalam aspek-aspek kepimpinan dan pentadbiran atau mengendalikan projek-projek kajian pendidikan, kegiatan ko-kurikulum atau kegiatan-kegiatan bukan akademik Sekolah; dan
3. Tugas-Tugas lain yang diarahkan oleh pegawai-pegawai atasan dari semasa ke semasa.